

TALKING POINTS

**YAB DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK
PERDANA MENTERI MALAYSIA
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN
SAMBUTAN HARI WANITA KEBANGSAAN 2016
25 OGOS 2016, 3.45 PM
PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

YB Dato Sri Rohani Abdul Karim;

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;

Menteri-Menteri Kabinet,

Timbalan-Timbalan Menteri,

Para Wanita yang diraikan,

Tuan-tuan dan Puan-Puan sekalian,

BAHAGIAN I: PENDAHULUAN

1. Syukur Alhamdulillah, setinggi-tinggi puji-pujian dan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, sesungguhnya kita dapat bersama di majlis **Sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2016** ini.
2. Pertama-tamanya saya mengucapkan tahniah kepada YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, selaku Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta semua pihak yang terlibat menzahirkan majlis sambutan ini.
3. Saya tidak dapat meneruskan ucapan saya ini tanpa mengatakan betapa **kagum dan terujanya saya melihat sebegitu ramainya hadirin di Dewan Plenari pada hari ini - 3,000 strong.**
4. Kehadiran saudari-saudari, puan-puan sekalian ke Perhimpunan ini membuktikan betapa tingginya komitmen dan kegigihan wanita di dalam melaksanakan tanggungjawab yang di amanahkan kepada anda semua.
5. Pada hari ini juga, berkumpul tokoh-tokoh dan pemimpin-pemimpin wanita sanjungan negara, ikon negara, yang menjadi pembakar semangat kepada kita semua, khususnya kepada generasi baru, untuk terus melakar kejayaan dalam membangunkan agenda wanita di negara ini.

6. Sesungguhnya, tidak sesiapa dapat menafikan betapa besar dan pentingnya **peranan wanita** di dalam membawa negara kita ke peringkat seadanya kini, baik sebagai **penjawat awam**, mahupun sebagai **usahawan**, baikpun sebagai warga kerja di dalam pelbagai bidang. Tidak kurang juga, **peranan wanita sebagai tiang seri masyarakat**, sebagai seorang **isteri** dan seorang **ibu**.
7. Adalah keunikan kaum hawa mampu memainkan beberapa peranan sekali serentak, di dalam hidup mereka. Saya tersangat kagum bagaimana seseorang wanita dapat membahagikan masa mereka dan melaksanakan peranan-peranan ini dengan penuh kecemerlangan. Kepada mereka ini, **marilah kita hulurkan penghargaan kita dengan satu tepukan gemuruh!**

BAHAGIAN II: TEMA HARI WANITA 2016

Para kaum wanita yang diraikan sekalian,

8. Tema Hari Wanita 2016 pada tahun ini adalah **“Sepadu Usaha, Tiada Wanita Ketinggalan”**. Tema ini tepat bagi menyokong usaha Kerajaan menggemblengkan kesemua sektor, baik sektor awam, swasta, masyarakat dan badan-badan bukan kerajaan untuk berganding bahu mengusahakan matlamat kita bersama, agar tiada golongan wanita ketinggalan di dalam arus pembangunan, bersama menikmati hasil peningkatan ekonomi negara.

9. Jikalau kita tinjau pandangan ahli ulama, Al-Quran dan Hadis, ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW mengangkat martabat wanita dengan adil dan saksama.
10. Dalam konteks Malaysia pula, peradaban Melayu sendiri begitu banyak memberi perumpamaan dan madah yang memuliakan peranan kaum wanita. Sekadar saya sebutkan beberapa contoh - “Tangan yang menghayun buaian, mampu menggoncang dunia” dan yang *famous* selalu - *“Behind or rather beside a successful man, there is a woman with him”*
11. Wanita juga harus menyedari bahawa **pelbagai usaha** dan **inisiatif agenda wanita** yang **direncana** dan **dilaksanakan** di **peringkat kebangsaan** seperti **menerusi Bajet-Bajet, Rancangan-Rancangan Malaysia**, bahkan ramai terlupa bahawa **tidak banyak negara yang mempunyai kementerian yang khusus untuk wanita seperti di Malaysia**.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

12. Untuk mencapai sasaran status negara maju berpendapatan tinggi, antara lain yang perlu digerakkan adalah **peningkatan isi pendapatan sesebuah rumah, terutamanya pendapatan purata isi rumah B40.**
13. **Hasil usahasama semua pihak, beralaskan dasar Kerajaan ini, pendapatan purata isi rumah B40 telah pun berganjak, meningkat dari pendapatan purata isi rumah kepada RM2,537 pada tahun 2014,.**
14. Untuk memastikan kesinambungan di dalam peningkatan pendapatan golongan ini, menerusi **Rancangan Malaysia ke-11**, Kerajaan mensasarkan **pendapatan purata isi rumah B40** meningkat lagi **kepada lebih 5 ribu ringgit sebulan pada tahun 2020 kelak.**
15. Saya percaya antara kaedah yang paling berkesan untuk **meningkatkan pendapatan purata sesebuah isi rumah B40** adalah dengan menyediakan **para suri rumah peluang dan bantuan memasuki pasaran pekerjaan ataupun perniagaan.**
16. Sedemikian ini, Kerajaan telah mewujudkan beberapa **program dan inisiatif** untuk **memartabatkan lagi kedudukan ekonomi wanita.** Antaranya, dengan penubuhan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga atau

TEKUN, Amanah Ikhtiar Malaysia dan Program 1AZAM – yang secara keseluruhan telah **membantu hampir 2.5 juta wanita** dengan **jumlah pinjaman mikro Kredit dan bantuan melebihi RM13.5 bilion sejak 2009.**

17. ***They say “Assist a woman, and you will help a village”.*** Berkat ketekunan wanita-wanita ini, dibantu dengan pinjaman mikro Kredit yang ada, secara langsung – *improved the lives of countless children, families and communities across this nation. I never cease to admire a woman’s strength.*
18. Dan tuan-tuan dan puan-puan, yang lebih mengagumkan lagi, **98% daripada wanita-wanita ini berjaya membayar balik pinjaman mereka dengan sepenuhnya!** Syabas saya ucapkan!

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

19. Sebagai tiang seri masyarakat, kesejahteraan wanita perlulah dijaga. Di zaman yang semakin mencabar ini, pelbagai dugaan dari segi **kesihatan** perlu ditangani.
20. Justeru, untuk **tahun 2015**, sebagai contoh, Kerajaan telah membelanjakan **hampir RM100 juta** bagi **menyediakan perkhidmatan kesihatan khusus untuk wanita** seperti **perkhidmatan perubatan untuk ibu yang mengandung dan bersalin**, pembelian **peralatan rehabilitasi** dan ubat-ubatan, serta **bantuan subsidi rawatan hemodialisis.**

21. Adalah tidak dapat dinafikan pihak Kerajaan dari dulu hingga kini, begitu prihatin dan sentiasa meneruskan langkah-langkah dan inisiatif bagi menjaga masalah (*interest*) kaum wanita.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

22. Pada tahun 2011, saya telah menetapkan Kadar Penyertaan Tenaga Kerja Wanita (***Female Labor Participation Rate, FLPR***) kepada **55% menjelang 2015**. Sasaran ini bertujuan untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam ekonomi negara.

23. Jika sebelum tahun 2009, Kadar Penyertaan Tenaga Kerja Wanita (FLPR) kekal tanpa perubahan di sekitar 46%, kadar ini telah meningkat pada tahun-tahun kebelakangan ini.

24. Sukacitanya saya memaklumkan, pada 2015, kadar nasional penyertaan wanita telah mencecah tahap 54%. Juga dimaklumkan, bagi sektor awam khususnya, kadar pencapaian telah melebihi sasaran pada 57.22%.

25. Sesungguhnya, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, wanita merupakan komponen kritikal di dalam pentadbiran dan penjana ekonomi negara.

BAHAGIAN III: IKHTIAR MEMARTABATKAN WANITA

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

26. Kita semua sedia maklum bahawa **institusi-institusi pendidikan tinggi Malaysia mengandungi lebih ramai penuntut wanita**. Sebagai contoh, bagi **tahun 2014**, nisbah antara penuntut ijazah pertama wanita dan lelaki adalah **60:40**. Kejayaan cemerlang wanita masakini di dalam bidang akademik dan pengkhususan ilmiah amatlah membanggakan.

27. Makanya, adalah wajar akan terdapat lebih ramai tenaga dan bakat mahir wanita di kalangan tenaga kerja negara ini di masa-masa hadapan. Sehubungan ini, adalah perlu negara **menyediakan rangka ekosistem dan perundangan** serta **garis panduan** untuk memenuhi permintaan yang akan datang.

28. Seperti saya sebut awal tadi, salah satu keunikan kaum wanita adalah **kebijaksanaan mereka mengimbangi pelbagai peranan di dalam hidup mereka**. Walaupun begitu, dimana sekarang 70% daripada penduduk negara ini adalah penghuni bandar dan sub-bandar, di dalam suatu *environment* yang semakin sibuk dan mencabar, kita akur bahawa kaum wanita memerlukan segala bantuan, agar peranan mereka sebagai isteri, ibu dan pekerja dapat di permudahkan lagi.

Para kaum wanita yang diraikan sekalian,

29. Kajian telah membuktikan bahawa antara perkara utama di benak fikiran warga kerja wanita adalah perihal penjagaan anak. Menuju ke matlamat ini, Kerajaan Pusat telah memastikan kemudahan penjagaan kanak-kanak di sediakan di bangunan-bangunan awam di Putrajaya.
30. Berkait dengan perkara ini juga, pada Bajet 2013, saya telah mengumumkan insentif agar para majikan dapat menyediakan kemudahan penjagaan kanak-kanak dan elaun penjagaan anak.
31. Justeru, adalah harapan saya inisiatif ini diteladani oleh para majikan diseluruh negara. Saya menyeru kepada semua **kementerian dan agensi Kerajaan** agar **sentiasa memudahkan cara dan bekerjasama** di antara satu sama lain, **tanpa karenah birokrasi, dalam menyelaraskan** penyediaan kemudahan penjagaan kanak-kanak.
32. Seperkara penting yang masih perlu diselesaikan, adalah isu berkaitan penyediaan kemudahan penjagaan kanak-kanak. Sukacita dimaklumkan terdapat pihak swasta yang bersedia menyediakan *childcare centre* di bangunan-

bangunan komersial. Akan tetapi saya masih tidak berpuas hati kerana inisiatif ini masih boleh diperbaiki dengan kerjasama kedua-dua sektor swasta dan Kerajaan.

33. Demi **wanita yang mahu bekerja tetapi yang masih mempunyai tanggungjawab utuk menjaga anak mereka, saya mahukan kelulusan penempatan lokasi *childcare* di bangunan-bangunan komersial, perlu diselesaikan segera.**
34. Selari ini juga, saya mengalu-alukan usaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan TalentCorp melancarkan inisiatif **FlexworkLife.my** di mana sektor swasta digalakkan **mengamalkan Pengaturan Kerja Fleksibel (*Flexi Working Arrangement, FWA*)** secara lebih meluas sebagai suatu strategi untuk menarik dan mengekalkan penglibatan pekerja wanita, **terutamanya wanita yang sudah berkeluarga.**
35. Keberkesanan inisiatif FWA ini adalah terbukti. Sebagai contoh, setelah inisiatif ini dilaksanakan oleh **Kumpulan Maybank**, ianya telah **meningkatkan** kadar pengekalan kerja (*retention rate*) **dari 52% pada tahun 2009 kepada 86% pada tahun 2014.**
36. Adalah dimaklumkan, kajian juga menunjukkan bahawa syarikat-syarikat yang mengamalkan dasar-dasar *gender-friendly*, memperolehi pelbagai manfaat; baik dari segi semangat dan keberkesanan kerja, membawa, *ultimately*,

kepada peningkatan di dalam *shareholders' value* syarikat tersebut.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

37. Kerajaan tidak sahaja berusaha untuk meningkatkan penglihatan wanita di tempat kerja. Lebih dari itu, Kerajaan juga secara berterusan bergiat untuk meningkatkan **tenaga kerja wanita di peringkat pengurusan tertinggi sektor awam dan korporat.**
38. Sukacita saya maklumkan bahawa setakat April 2016, **34% daripada pengurusan tertinggi perkhidmatan awam, iaitu jawatan JUSA C dan ke atas, merupakan wanita.**
39. Namun, pencapaian dalam sektor korporat ada sedikit ketinggalan, di mana **setakat tahun 2015, hanya 26% pengurusan tertinggi bagi keseluruhan syarikat tersenarai awam adalah wanita**, berbanding sasaran 30% yang telah ditetapkan. Manakala, **bagi 100 syarikat tersenarai awam teratas pula, pencapaian adalah sebanyak 28%.**
40. Bagi terus menyokong agenda untuk mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat, saya telah merasmikan pada tahun lepas penubuhan **Thirty Percent Club di Malaysia.**

41. Saya menyeru syarikat-syarikat korporat yang telah memberikan ikrar mereka, mengotakan apa yang telah dijanjikan. Adalah harapan saya agar sasaran 30% tercapai menjelang akhir tahun ini.

Majlis Penasihat dan Perundingan Wanita

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

42. Setahun yang lalu, di pentas ini jua, saya telah mengumumkan penubuhan **Majlis Penasihat dan Perundingan Wanita** yang bertindak sebagai badan penasihat dan perunding utama kepada Kerajaan mengenai **perkara-perkara berhubung pembangunan wanita.**
43. Peranan Majlis ini adalah penting bagi memastikan agenda pemeraksanaan wanita adalah selaras dengan hala tuju pembangunan negara melalui sumbangan **khidmat nasihat dan insights di dalam bidang dan kepakaran** yang diceburi masing-masing.
44. Saya juga difahamkan, **beberapa isu-isu penting telah dikupas** oleh Majlis ini. Antaranya adalah berkaitan **pengupayaan sosio-ekonomi, kepimpinan wanita, kesaksamaan gender, kemiskinan di kalangan wanita, menangani keganasan terhadap wanita, wanita OKU dan kumpulan-kumpulan terdedah (*vulnerable groups*).**

45. Saya syorkan Majlis ini meluaskan mandatnya untuk bertindak sebagai *lead agency* - **menggiatkan lagi penglibatan kaum wanita dari golongan berpendapatan rendah (B40) di dalam ekonomi negara dan secara langsung**, untuk **meningkatkan pendapatan mereka**.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

46. Semasa pembentangan Bajet tahun lepas, saya juga mengumumkan pelancaran program **Career Comeback**, Melalui geran dan pepadanan kerja, wanita-wanita berkerjaya dibenarkan keluar dari perkhidmatan untuk sementara waktu dan kembali ke tempat kerja tanpa kehilangan jawatan dan kedudukan pendapatan.

47. Beberapa minggu lepas, saya berpeluang bertemu dengan sekumpulan wanita yang telah melalui program **Career Comeback** ini dengan jayanya di organisasi masing-masing.

48. Di sesi itu, saya bertemu dengan **Puan Chong Chye Neo**, di mana beliau telah menceritakan bagaimana **IBM** membenarkan beliau untuk **berehat dua kali dari pekerjaan didalam tempoh setahun**, di atas **sebab-sebab keluarga**. Kerjaya Puan Chong tidak terjejas akibat daripada keputusan ini. Malahan, sejak itu, Puan Chong telah pun

dilantik sebagai **wanita pertama memegang jawatan Pengarah Urusan IBM Malaysia**.

49. *Ladies and gentlemen, as this country moves up the value chain, as our economy competes further in the regional and global markets, we need to have more talent. We have to work harder to gain and retain our world class talents. I have no doubt that a good number of these talents are women! Therefore, it is incumbent for our organisations to progress to a more accommodative, first world human resource policies.*

BAHAGIAN IV: CADANGAN PENGUMUMAN

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

50. Dalam kita bercerita mengenai isu kekeluargaan pada hari ini, tidak dapat tidak – perihal kebajikan wanita dan anak-anak kita harus disentuh jua.
51. Makanya, beberapa bulan yang lepas, **saya, Timbalan Perdana Menteri dan Kabinet telah bersetuju supaya cadangan pindaan ke atas Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] diselaraskan dengan segera oleh Kementerian Dalam Negeri berpandukan kepada tiga prinsip utama:**
52. **Pertama**, bahawa **sebarang isu berbangkit berkenaan perceraian bagi perkahwinan yang didaftarkan secara sivil perlulah diselesaikan di Mahkamah Sivil terlebih dahulu**. Ini bagi memastikan tuntutan-tuntutan seperti hak jagaan dan nafkah anak-anak hingga ke peringkat pendidikan tertinggi adalah terpelihara dan terjamin.
53. **Kedua**, berpaksikan kepada **prinsip keadilan sejagat**, pindaan Akta ini akan **memberikan peluang kepada kedua-dua pasangan untuk menyelesaikan isu perkahwinan sivil di mahkamah sivil** dan seterusnya **mbolehkan mereka meneruskan kehidupan masing-masing** seperti untuk berkahwin lain bagi pasangan bukan Islam.
54. **...Dan ketiga**, di samping itu juga, **percanggahan yang berlaku antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah berbangkit daripada pemelukan agama Islam oleh salah seorang pasangan dapat diselesaikan** dan seterusnya

kelompangan perundangan dan pertindihan peruntukan undang-undang sedia ada dapat diselesaikan.

55. Inisiatif ini, membuktikan bahawa Kerajaan, selaku pemerintah yang bukan sahaja bertanggungjawab untuk terus **memartabatkan kedaulatan Islam** sebagai **Agama Persekutuan**, tetapi juga pada masa sama, memelihara prinsip dalam kerangka kemajmukan bangsa dan agama di kalangan rakyat negara ini.
56. Ini sejajar dengan prinsip Islam itu sendiri, yang amat mengutamakan **aspek keadilan dan masalah**, atau **kepentingan semua pihak**. Saya percaya, Agama Islam sebagai **Agama Rahmatan Lil Aalamin** (agama yang memberi Rahmat kepada semua) **dapat dinikmati dan dirasakan oleh seluruh rakyat Malaysia**.
57. **Penggubalan akta ini dijangka dibentangkan pada sesi Parlimen yang akan datang, menerusi Kementerian Dalam Negeri.**

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

58. Saya teramat kesal sejak kebelakangan ini, terdapat **peningkatan masalah gejala sosial** yang melibatkan

penganiayaan dan perkosaan kanak-kanak.

Seumpamanya, baru-baru ini, terdapat kes yang membabitkan seorang warganegara asing yang telah pun dijatuhkan hukuman akibat bersalah mencabul dan membuat serangan seks terhadap kanak-kanak, termasuklah daripada Malaysia.

59. Maka, saya ingin mengumumkan bahawa satu **Task Force** akan ditubuhkan dengan kadar segera bagi **mengkaji dan meneliti isu-isu berkaitan jenayah seks**, terutamanya **jenayah rogol yang membabitkan kanak-kanak**. *Task Force* ini akan dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan dianggotai oleh pihak-pihak yang berkenaan.

60. Ingin saya tekankan sekali lagi, bahawa **adalah tanggungjawab kita bersama untuk melindungi anak-anak cahayamata negara ini dari dianiayai.**

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

61. Saya juga ingin berkongsi dengan hadirin pada hari ini tentang kejayaan salah satu produk di bawah KPWKM iaitu **MamaCare** yang lahir dari Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau NBOS.

62. MamaCare merupakan **program penjanaan pendapatan oleh golongan wanita melalui latihan penjagaan selepas bersalin secara tradisional dan moden yang dilaksanakan**

melalui Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN).

63. Sejak diperkenalkan pada 2012, kini terdapat **551 pengamal Mamacare di seluruh negara**, dengan kemampuan individu pengamal MamaCare untuk mendapat **pendapatan sehingga mencecah RM12,000 sebulan**. Saya turut difahamkan, bahawa **perkhidmatan MamaCare ini turut mendapat sambutan di luar negara.**

64. Inilah yang saya mahukan. Dengan bantuan Kerajaan, bergabung dengan semangat kental dan kegigihan usaha tenaga yang ada, para penerima bantuan berjaya meningkatkan pendapatan mereka, meraih tahap kehidupan yang lebih tinggi untuk diri sendiri dan keluarga.

BAHAGIAN V: PENUTUP

Para kaum wanita yang dirai dan dihormati sekalian,

65. Sebagai mengakhiri ucapan, pada hemah saya dengan merujuk kepada sejarah sejak dahulu kala, bermula pada zaman Nabi Adam dan isterinya Hawa, **wanita telah menjadi sumber inspirasi, pendokong kejayaan** dan turut bersama menjadi teraju disamping kaum lelaki dalam apa jua lapangan, samada **KELUARGA, MASYARAKAT, PERTUBUHAN DAN NEGARA...MALAH DI PERSADA DUNIA!**